

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS  
(SEPANGGAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.10.2016**

**Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengubah kadar GST pada masa hadapan; dan
- (b) berapakah kutipan GST setakat hari ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula kadar GST yang pada masa ini ditetapkan pada 6%. Kadar yang ditetapkan tersebut

adalah berdasarkan kajian terperinci yang dibuat untuk memastikan kadar GST yang dikenakan adalah yang paling bersesuaian dengan mengambilkira antara lain kedudukan kadar cukai yang telah dilaksanakan sebelum pelaksanaan GST iaitu cukai jualan pada kadar umum 10 peratus bagi barangan yang diimport dan dikilangkan dalam negara dan cukai perkhidmatan pada kadar 6 peratus bagi perkhidmatan tertentu. Di samping itu, pelbagai faktor lain seperti komposisi sumbangan hasil daripada sektor tertentu, beban cukai ke atas pengguna, struktur cukai pendapatan dan pakej bantuan kepada pengguna dan perniagaan juga telah diambilkira dalam penetapan kadar GST tersebut selaras dengan objektif untuk mewujudkan sistem percukaian yang berdaya saing dalam jangka panjang.

b. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion manakala bagi tahun 2016, hasil kutipan GST sehingga 10 Oktober 2016 adalah sebanyak RM29.34 bilion.